

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 21 April, 2019 2:15 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kembalilah Kepada Al-Quran Dan Hadis — Dr. Zakir Naik



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2019 / 15 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KEMBALILAH KEPADA AL-QURAN DAN HADIS — DR. ZAKIR NAIK



UUM ONLINE: Hujahnya yang mencabar akal, mengasah ketajaman fikiran tentang pemahaman dan bijak mengupas isu perbandingan agama di seluruh dunia menjadikan kemunculannya sentiasa dinantik-nantikan.

Penceramah terkenal dari India, Dr. Zakir Naik menyampaikan ceramah bertenaga penuh Inspirasi yang memukau hadirin yang membanjiri Dewan Mu'adzam Shah, UUM, ketika berlangsung program *Duty of A Muslim As A Professional by Dr. Zakir Naik*.

"Profesional merujuk kepada seseorang yang berkemahiran dalam sesuatu bidang dan melakukannya dengan berkesan.

"Misalnya seorang doktor perlu menjalani latihan demi latihan dan lulus peperiksaan mengikut peraturan perubatan yang ditetapkan sebelum layak bergelar doktor begitu juga dengan peguam dan arkitek profesional.

"Berbeza dengan profesional yang digariskan dalam Islam, muslim profesional membawa maksud seseorang yang patuh/taat kepada perintah Allah mengikut ajaran yang ditetapkan dalam al-Quran dan Hadis.

"Muslim profesional menjalankan tugas dengan berkesan tanpa meminggirkan al-Quran dan hadis dan jika bertentangan dengan Islam dia akan meninggalkan perkara tersebut misalnya bersalam antara lelaki dan wanita yang bukan mahram dan membuat pinjaman yang mempunyai riba/faedah.

Menurutnya dalam menjalankan urusan, berjabat tangan adalah amalan mulia dalam menjalin hubungan dan sebagai muslim profesional berjabat tangan antara lelaki dan lelaki amat digalakkan dan tiada masalah.

"Tetapi bila melibatkan lelaki dengan wanita, Islam mengharamkan perbuatan tersebut yang bertentangan dengan ajaran Islam jadi sebagai lelaki muslim profesional tidak boleh bersalaman dengan wanita.

Ber cerita pengalamannya bertemu Presiden Gambia, beliau disambut mesra dan berjabat tangan sesama mereka. Namun apabila datang tetamu kehormat seorang wanita, Presiden Gambia membantu memberi isyarat yang menyelamatkannya dari bersalaman dengan wanita.

"Sememangnya berjabat tangan antara lelaki dan perempuan dianggap biasa melainkan seseorang itu takut kepada Allah dan mentalnya telah bersedia.

"Jika bertentangan dengan arahan Allah walaupun dengan raja, presiden atau sesiapa sahaja tinggalkan perkara itu, jangan bersalaman antara lelaki dan perempuan yang dilarang oleh Islam dan jika bertentangan dengan al-Quran dan sunah maka ikutlah al-Quran dan sunah," tambahnya.

Ujarnya, kebanyakan umat Islam fikir, ibadat hanya berkisar tentang solat, zakat, puasa, haji sedangkan apa sahaja yang kita lakukan selagi tidak bertentangan dengan Islam merupakan ibadah.

Pada suatu hari sedang kami duduk di sisi Rasulullah s.a.w. tiba-tiba datang seorang lelaki yang tidak dikenali bertanya tentang Islam, iman dan ihsan.

Kemudian dia bertanya lagi: apa itu ihsan? lalu Rasulullah menjawab, *Ihsan ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, tetapi jika engkau tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Ia melihat engkau.*

"Jika kita seorang muslim profesional kita perlu mengikut ihsan misalnya tidak melayari media sosial ketika bekerja, tidak keluar pada waktu pejabat dan tidak menggunakan waktu pejabat untuk urusan peribadi.

"Muslim profesional mesti ada ihsan dengan melakukan tugas sebaik mungkin untuk meraih kecekapan, profesionalisme seterusnya menuju kecemerlangan dan Allah amat menyukai orang yang memiliki ihsan.

"Kalau kamu seorang doktor muslim jadilah doktor yang terbaik, jika seorang arkitek jadilah seorang arkitek yang terbaik, jika seorang CEO mesti CEO yang cemerlang barulah mencapai ihsan,"

Pesannya, muslim profesional mesti mempunyai karakter yang baik, jujur, tidak menipu dan kuat pada masa yang sama tidak sombong dan sentiasa merendah diri sepertimana junjungan mulia, Nabi Muhammad SAW.

Penyampaian bersahaja penuh semangat dengan hujah yang mengasah ketajaman fikiran yang bukan sahaja memetik ayat dan penjelasan dari al-Quran malah memahami intipati kitab-kitab agama lain.

Program yang berlangsung hampir 4 jam itu diakhiri dengan sesi soal jawab menggamit ramai penonton yang tidak melepaskan peluang untuk berinteraksi dan merungkai persoalan dengan pendakwah tersohor ini.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.